

22/06/2003

Pas duri dalam daging, peralatkan Islam

UCAPAN penuh penggulungan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno ke-54, PWTC, Kuala Lumpur, petang semalam.

BISMILLAHHIRRAHMANIRRAHIM. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Yang Berhormat Timbalan Pengerusi Tetap, Yang Amat

Berhormat,

Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden, Ketua Wanita, Ketua Pemuda, Ketua

Puteri, Ahli-ahli Majlis Tertinggi, para perwakilan, para pemerhati.

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu, saya merasa syukur kerana buat kali terakhir saya membuat ucapan ini terdapat begitu ramai sekali yang hadir, bukan sahaja perwakilan tetapi juga pemerhati di luar, saya diberitahu ramai juga yang

ada di luar, Alhamdulillah. Ini menyatakan parti benar-benar mempunyai sokongan, daripada wakil. Kita hargai tetapi wakil sendiri tidak boleh memberi kemenangan kepada kita, kita perlu mereka yang jadi ahli biasa yang datang sebagai pemerhati, merekalah yang akan menjalankan banyak tugas semasa kita mengadakan pilihan raya sebab itu kita menghargai minat

mereka untuk hadir ke mesyuarat ini.

Sekali lagi, saya mohon maaf kerana terpaksa keluar daripada dewan semasa perbahasan berlaku dan dengan kerana itu tidak dapat mendengar semua yang disuarakan oleh wakil-wakil tetapi saya juga dapat laporan berkenaan dengan apa yang diperkatakan dan saya dapat mengikuti melalui televisyen 'close circuit' yang diadakan. Jadi saya harap mereka yang bercakap semasa saya tidak berada dalam dewan, janganlah kecewa, bukan saya tidak berminat, tetapi ada tugas-tugas lain yang perlu saya teruskan.

Saya tak dapat jawab semua perkara yang dibangkitkan semasa perbahasan.

Saya juga ingin ucapkan tahniah kepada semua yang hadir kerana ketertiban mesyuarat kita ini. Walaupun pada mulanya, ada ura-ura perkara-

perkara tertentu akan berlaku, tetapi Alhamdulillah, tak ada apa.

Walaupun

begitu ramai yang ada di sini, tidak ada apa yang tidak tertib yang berlaku. Ini adalah sifat yang ada kepada Umno. Jangan sekali-kali kita meniru cara cela orang lain yang mana mesyuarat tidak dapat diadakan dengan cara tertib.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih. Oleh kerana kebanyakan ucapan

yang disampaikan walaupun berkenaan ekonomi, pendidikan atau agama, menyebut sokongan tentang diri saya. Saya kadang-kadang mempermainkan apa

nama anugerah yang diberi kepada saya selalu oleh jurucakap-jurucakap iaitu apa yang selalu panggilkan YDK. YDK ialah Yang Dikasihi. Walaupun saya bermain 'title' ini, sebenarnya saya amat menghargai, saya anggap ia

ditujukan kepada presiden parti kita, parti Umno. Kalau presiden parti tidak disayangi oleh ahli Umno, itu adalah petanda parti kita akan berpecah. Oleh itu, apabila disuarakan perasaan kasih kepada presiden, bermakna kita kasih kepada parti dan kita kasih kepada perjuangan parti untuk bangsa, agama dan tanah air. Oleh itu, teruskan amalan ini kepada presiden yang akan datang.

Biasanya, bila kita ada perbahasan, tumpuan ialah kepada mengkritik apa yang tidak kena pada pendapat kita iaitu kita mengkritik tentang kerajaan, urusan kerajaan, jabatan kerajaan. Kita kritik terhadap parti, kepemimpinan parti dan majlis tertinggi. Saya biasa dengar, sekali ada cabaran supaya yang duduk di atas ini turun ke bawah tetapi Alhamdulillah, kali ini kita bermesyuarat, ianya tidak ada kritikan yang terlalu, terlalu sangat terhadap parti kita. Kepada kerajaan, ramai yang menyatakan sokongan kepada parti dan dasar kerajaan yang telah diperkenalkan.

Walaupun kritikan ini memang wajar, kita perlu dikritik kerana tanpa kritik, kita akan terus dengan apa yang kita lakukan walaupun ianya tidak

baik dan tidak kena kalau tidak ada kritik. Sebab itu kita, dalam perbahasan mesyuarat agung ini, kita selalu membuat kritik. Maka dengan kritik itu, kita dapat faham, yang mana perlu dibetulkan. Tapi kadang kala

berlaku juga kritikan itu terlalu sangat sehingga ia menjadi bahan dan isu

untuk parti lawan hentam kita balik. Kita tak nak kritik macam itu, kita mesti kritik secara membina. Jika ini dapat diamalkan oleh parti kita sepanjang masa, insya-Allah, segala kesalahan yang dilakukan oleh parti, kepimpinan parti atau oleh kerajaan kerana kita adalah parti yang memerintah. Maka dapat kita betulkan dan dengan itu negara kita akan menjadi lebih sempurna, ditadbir dan dibangunkan dengan baik.

Justeru itu teruskan dengan kritikan tetapi fikirkan sama tentang sama ada kritikan kita itu membina atau tidak, atau dia akan dijadikan bahan untuk parti lawan menyerang kita. Janganlah kita memberi senjata untuk orang lain menikam kita balik. Sebab itu dalam Umno, semasa kita membuat kritikan, bahasa kita mesti dijaga, tumpuan kritikan itu juga perlu dijaga

dengan baik. Sepatutnya dalam mesyuarat kita, kita menumpu kepada masalah

yang kita hadapi, di antara masalah yang kita hadapi ialah masalah parti lawan, khususnya bagi Umno ialah parti Pas.

Pas ialah parti yang menentang kita dengan memperalatkan agama Islam. Agama kita diperalatkan oleh mereka. Tadi, Timbalan Presiden telah berkata

bahawa, parti Pas ini penubuhannya diiktiraf oleh pihak British. Ini memang sejarah amalan British, 'divide' dan 'rule' dan di India umpamanya

mereka mengizinkan penubuhan gerakan Qadiani. Tujuannya adalah supaya orang Islam berpecah belah. Mungkin mereka akan berkata, mereka tidak faham apa dianya Qadiani, dan dengan itu mereka memberi galakkan penubuhan

Qadiani. Tetapi ianya berjaya memecah belah orang Islam di India dan

juga

sekarang ini di Pakistan, Dengan itu orang Islam menjadi lemah.

Di Malaysia, penubuhan Pas direstui oleh pihak British dengan tujuan yang sama. Mereka tidak bertanya kepada raja-raja atau sesiapa, apakah patut mereka memberikan kebenaran kepada penubuhan parti Pas ini, sedangkan mereka berkata bahawa raja-raja bertanggungjawab berkenaan soal-

soal agama, tetapi mereka tidak sama sekali bertanya kepada raja-raja walaupun mereka dihadapi dengan permintaan oleh Pas untuk menubuhkan parti

Pas ini kerana bagi mereka ini adalah pendekatan yang agak baik. Pada masa

itu orang Melayu sedang begitu kuat memberontak meminta supaya negara kita

ini dibebaskan. Untuk melemahkan orang Melayu, apakah cara yang lebih berkesan daripada memecah belahkan mereka dengan penubuhan sebuah lagi parti orang Melayu yang boleh bersaing dengan Umno. Parti itu adalah parti

Pas. Sehingga sekarang ini, duri dalam daging bagi orang Melayu ialah parti Pas. Pas bukan parti Islam. Pas adalah parti yang peralatkan Islam.

Baru-baru ini Perdana Menteri Turki datang ke sini. Apabila parti Perdana Menteri Turki ini menang dan mengadakan mesyuarat mereka. Wah! orang Pas pun pergi ke sana dengan berkata bahawa sekarang orang Islam sudah menang, orang sekular sudah kalah. Benar tetapi parti itu tidak semacam parti Pas. Kata Perdana Menteri Turki, dia tidak nak memasukkan perkataan Islam itu ke dalam nama parti, kerana katanya, kalau dimasukkan

Islam ke dalam nama partinya, kalau parti itu membuat sesuatu yang salah,

maka dianggap Islam itu salah. Sebagai parti politik tentulah ada kelemahan dan kesalahan yang disebabkan oleh manusia, bukan oleh agama.

Disebabkan oleh manusia, tetapi apabila disamakan parti dengan agama, apabila manusia buat salah, maka agama disebut. Inilah yang menjadi masalah kepada kita apabila parti menggunakan Islam memperalatkan Islam sehingga mereka boleh menghinakan Islam. Namun mereka masih juga dianggap

sebagai parti Islam dan mendapat sokongan daripada orang Islam. Mereka sudah lari jauh dari agama Islam.

Pada mulanya tidak begitu teruk. Semasa Burhanuddin Al-Helmi, pergi kepada Asri, Fadzil Noor dan sekarang ini dipangku oleh Hadi dengan Nik Aziz, mereka sudah lari jauh. Yang menuduh orang Umno ini kafir satu perkara, mungkin kerana mereka tidak tahu makna kafir kerana kejahilan mereka jelas sekali. Tetapi sekarang mereka sudah sampai kepada tahap berkata Tuhan mencarut, Tuhan samseng, ini sudah jauh lari daripada ajaran

Islam

Kita tahu dalam al-Quran, disebut beberapa kali supaya kita jangan persamakan Tuhan dengan apa-apa lain. Tuhan adalah satu yang unggul yang tidak ada sama bandingan. Kita tidak boleh kata batu itu boleh memberi sesuatu kepada diri kita, sama seperti Tuhan boleh memberi kepada kita. Itu tidak boleh, dilarang dalam Islam, tetapi Pas menyamakan seorang daripada pemimpin Pas sama dengan Tuhan. Apabila pemimpin Pas ini mencarut, untuk melepaskannya daripada kritikan orang lain, Nik Aziz

kata

Tuhan pun mencarut. Saya tanya Nik Aziz di Kelantan, semasa saya pergi ke

Kelantan, saya buat ucapan, saya tanya suruh dia buktikan dalam al-Quran,

tang mana ada perkataan mencarut dalam Islam. Adakah tidak perkataan PM ini? Saya tahulah. PM ini nak kata Perdana Menteri pun boleh. Tetapi dia kata PM ni, saya nak sebut pun tak boleh di sini.

Ini orang ini tulis dalam buku dan Nik Aziz kata ini Tuhan cakap macam ini. Tolong cari dalam Quran dan dalam buku-buku dan kitab-kitab yang sahih, dalam hadis, bila ada perkataan PM dalam Quran dan hadis. Siapa di

sini yang tahu ataupun di luar? Saya cabar seluruh Malaysia dan seluruh dunia Islam, buktikan Tuhan berkata perkataan PM.

Tetapi pengikut Pas dengan buta tuli masih sokong Nik Aziz. Saya tak faham. Bila Nik Aziz kata Tuhan mencarut semua orang Pas akan lari dari Nik Aziz kerana mereka akan turut berdosa. Tetapi jauh lari dari Nik Aziz

tapi mereka pertahankan Nik Aziz apabila Nik Aziz kata Tuhan mencarut dan

Tuhan adalah samseng.

Kita tahu Tuhan ada 99 nama. Kita berdoa Ya Aziz, Ya Wadud, Ya Ghaffar... macam-macam nama lain yang ada pada Tuhan. Tetapi diantara 99

nama Tuhan tidak terdapat samseng. Adakah terdapat bolehkah kita berdoa,

Ya Allah, Ya samseng. Nik Aziz kata Allah samseng. Inilah tuhan Nik Aziz bukan kita.

Inikah orang yang mendakwa dirinya sebagai ulama? Wah bukan main lagi...

bukan saja mendakwa dirinya sebagai ulama tetapi berkata pula ulama pewaris Nabi. Ulama yang mana pewaris Nabi ni? Masuk persatuan ulama jadi

pewaris Nabi? Berapa yuran bayar? Siapa nak jadi pewaris nabi, RM10 yuran.

Yuran masuk RM10, yuran tahunan lima ringgit. Tak tahulah berapa... dia tapi agak sayalah. Bukan main mudah nak jadi pewaris Nabi... bukan main. Bukan orang yang macam ini pewaris Nabi.

Ulama yang tidak ada kepentingan lain, yang membuat tafsiran berkenaan dengan agama secara ikhlas, orang itu pewaris Nabi. Namun demikian kita harus ingat bahawa ulama bukan Nabi, dia bukan maksum, dia bukan bebas daripada kecacatan. Mungkin tafsiran yang dia buat tidak kena. Kenapa kita

kata tidak kena? Kerana banyak ulama yang kita iktiraf, antara yang empat

yang menjadi imam kepada puak sendiri, Hanafi, Hambali, Maliki, Shafie antara mereka pun tak semua sama.

Ada yang kata boleh pegang tangan selepas wuduk. Orang Perlis semua pegang tangan, tak pa. Bila kita ada buat pekerjaan di Makkah, kadang-kadang kalau kita buat tawaf tersentuh juga. Nak pakai sarung tangan dia tak bagi. Jadi tersentuh, tapi tak batal kerana setengah orang kata, dia niat keempat-empat imam. Jadi antara imam yang kita iktiraf ini pun, terdapat perbezaan pendapat. Bermakna ada yang betul, ada yang tidak betul. Tambahan pula ada begitu banyak orang yang mentafsirkan agama

kita

dan mereka manusia biasa. Mungkin tafsiran mereka tidak betul. Sebab itu kita kata, kita perlu kaji isi kandungan Al-Quran dan hadis. Apakah benar

tafsiran mereka ataupun adakah tidak benar. Kerana tafsiran yang dibuat 200 tahun selepas wafat Nabi dengan 1,400 tahun selepas wafat Nabi... tafsiran itu ditujukan keadaan masa itu. Keadaan sekarang berbeza, tak semacam pada tahun 200 hijrah. Sekarang ini sudah 1,400 hijrah. Keadaan dah berbeza dan kadang-kadang kita tahu juga ada raja-raja di zaman itu yang boleh dikatakan membuat benda-benda tak betul. Tetapi terdapat ulama

yang berkata, boleh, diizinkan oleh agama Islam. Sebab itu Raja Turki ada

370 gundik, empat isteri. Kita boleh percaya bahawa agama Islam suruh buat

benda-benda itu? Tak dak.. cuma pasal nafsu saja.

Dia diizinkan oleh orang yang bekerja dengan dia. Jadi ada tafsiran-tafsiran yang tak betul yang perlu kita kaji kita kena ambil kira keadaan

sekarang ini. Dalam Quran disuruh kita simpan kuda, kita ada pemanah, kita

ada tombak untuk mempertahankan umat Islam. Kalau umat Islam di zaman ini

mempunyai tombak dengan anak panah dengan pemanah nak mempertahankan nak lawan dengan misil, bom nuklear bolehkah kita pertahankan umat Islam?

Kita diberi cuma contoh yang relevan pada masa lalu. Di zaman Nabi, yang relevan senjata untuk mempertahankan umat Islam, ialah kuda untuk mereka guna sebagai kenderaan, dan pemanah dan tombak, pedang dan sebagainya. Kita tahu bila Nabi bawa agama Islam ke Taif, dia dikejar keluar, dihambat

keluar dari Taif. Mereka baling batu kepadanya kerana mereka tidak percaya. Bukan mudah menentu orang yang jahil ini menerima agama Islam.

Jadi kalau nak bercakap pada masa itu tentulah relevan dengan perkara-perkara yang boleh difahami oleh orang yang menjadi sasaran Nabi untuk diislamkan. Sebab itu disebutkan tentang senjata yang relevan pada masa itu.

Kalau di zaman ini, kalau Nabi datang pada zaman ini dia tak pi Kelantan

la. Dia pi Kelantan, pasal ustaz tadi kata dia pi ke Kelantan pasal dia kata banyak pengikut Pas yang jahil di sana, nak diislamkan. Kalau Nabi datang di zaman ini, dia akan berkata bahawa kita perlu mengadakan kereta

kebal, ada pesawat pejuang, pesawat bom kerana itu yang relevan kepada kita. Agama Islam bukan agama untuk 1,400 tahun dulu, agama Islam adalah agama sepanjang zaman. Sebab itu apabila kita buat tafsiran berkenaan dengan ayat Quran atau hadis dan sunnah Nabi, kita mesti jadikannya relevan dengan keadaan semasa. Keadaan semasa berbeza dengan dahulu. Ilmu

pengetahuan kita sudah lebih banyak.

Berkenaan dengan hukum Hudud. Umpamanya, kalau kita baca dalam Quran, selain daripada berkehendakkan kepada saksi-saksi yang empat yang bebas daripada dosa yang besar untuk sesuatu jenayah... selain daripada itu, yang utama... yang utama ajaran agama Islam ialah keadilan. Kalau kamu menghukum, hukumlah secara adil, ini disebut berkali-kali dalam Quran.

Jadi walaupun kita perlu mengadakan saksi-saksi ini, tetapi kalau kita tidak dapat saksi ini, dan kita dapati bahawa hukum itu tidak boleh jadi adil, maka kita perlu utamakan keadilan itu. Sebagai contoh, saya dah cerita ini banyak kali, kalau seorang wanita dirogol dan dia kenal siapa yang merogolnya, tetapi semasa dirogol, tidak ada sesiapa yang melihat, tidak ada saksi, tidak ada witness, jauh sekali empat orang witness yang baik-baik belaka, apa dia buat empat orang dok tengok saja tak buat apa, tolonglah. Kalau dia tak tolong, takkan dia orang tak berdosa, tentu berdosa punya orang.

Di zaman Nabi lain, itu keadaan di zaman Nabi. Ini keadaan sekarang, di

mana kita baca setiap hari, kes rogol, sumbang mahram, pakai ketayap, pakai jubah tapi buat kerja tak betul. Semuanya kalau pergi ke mahkamah, bertanya wanita ini kata saya dirogol. tanya balik hakim, awak ada saksi empat orang? Tak dak kerana dia rogol dalam bilik, saya tak tahu tak dak siapa pun, dalam rumah pun tak ada siapa pun. Itu bermakna awak membuat tuduhan yang tidak baik. Hukumnya rotan 80 kali dan orang yang merogolnya

terlepas kerana tak ada witness. Adilkah? Bolehkah kita kata adil, kalau tidak adil, bolehkah kita kata itu Islam. Siapa kata undang-undang Islam tidak adil. Saya nak tanya Pas dan biar dia tanya sesiapa pun, apakah undang-undang Islam itu akan menentukan ketidakadilan berlaku.

Tidak sama sekali, agama Islam menentukan keadilan mesti berlaku. Ini orang yang kena rogol didera kena rotan, orang yang merogol terlepas begitu saja, tapi cerita tak habis situ. kerana dia mengandung dia lahir dapat anak, ha! ha! itu adalah tanda dia telah berzina, dan hukum zina ialah rejam dengan batu, bunuh orang itu, anak tak bunuh tapi anak rupa semacam dengan orang tu, adilkah? Tak lah ada misai macam orang itu tapi lama-lama ada misai macam orang tu juga. Itu bukan ajaran Islam, sebab itu

bila kita tegur tentang hukum hudud Pas di Terengganu, maka mereka membuat

pindaan kepada hukum hudud. Bolehkah kita pinda hukum Tuhan? Tak boleh! Ini hukum Pas, hukum Haji Hadi yang jahil, jahil berkenaan ajaran agama Islam, jangan kita fikir kerana dia tak pernah pakai baju Melayu, dia pakai jubah dengan serban maka dia tahu agama Islam.

Saya nak suruh dia pergi buat syarahan di luar negeri kata ini adalah hukum hudud yang dikehendaki oleh agama Islam. Nik Aziz boleh pergi ke Mesir, bagi tahu kepada Sheikh Azhar bahawa Tuhan mencarut selalu, Tuhan samseng, Haji Hadi pula berkata, orang yang dirogol mesti dihukum, orang yang merogol dilepas, ini kononnya ajaran Islam. tak kena.

Sebab itu Umno mesti tentang orang ini dengan sekuat-kuatnya. Kita tak panggil parti kita dengan nama Islam tetapi kita adalah pelindung dan pemelihara agama Islam di Malaysia ini. Jangan takut kerana mereka berserban dan berjubah. Serban dengan jubah tidak menentukan orang itu kuat Islam atau tidak, kerana yang pakai ketayap pun ada yang merogol. Oleh itu yakinlah bahawa kita berjuang untuk yang benar, yang mengikut kehendak ajaran Islam dan zaman ini kita ada cara lain yang perlu kita guna. Zaman Nabi tidak ada, zaman ini ada. Zaman Nabi kalau nak pergi dari

satu tempat ke satu tempat, naik kuda atau naik unta. Sekarang ini, kita pergi kerja haji naik unta atau kuda? Tidak. Berapa orang naik kuda atau unta dari Makkah pergi Madinah?

Saya pun pergi haji dua kali dah. Buat umrah banyak kalilah! tapi tak

pernah naik unta melainkan naik unta di Padang Arafah. Ada dia simpan unta dua ekor di situ, bayar beberapa Riyal, boleh naik unta. Sekali naik unta di Egypt dekat piramid. Saya naik, isteri saya pun naik, saya berjalan, dia ikut belakang, jauh, makin lama semakin jauh. Rupanya dia minta duit daripada isteri saya, isteri saya naik takut, bagi duit kat dia. Itulah zaman sekarang kalau nak naik unta. Kalau kita pergi ke Makkah dan Mesir kita tengok motokar Mercedes, Caddillac, motokar Amerika yang besar-besar, tak naik unta pun. Kenapa di zaman ini kita nak buat kerja haji sama dengan kerja haji yang dibuat oleh nabi sendiri? Kita tak guna kenderaan yang Nabi guna, kita guna kenderaan yang ada pada masa ini, demikian juga dalam menentukan keadilan. Kita sekarang ini menggunakan sains yang menunjukkan DNA, yang kita boleh keluarkan daripada darah dan apa-apa lagi yang boleh dikeluarkan. Kita boleh tahu darah itu apakah air yang lain itu datang daripada siapa, kita boleh tahu, bahkan kita boleh ambil darah anak itu untuk menentukan dia anak kepada si polan si polan. Ini semua diiktiraf sebagai benar daripada segi maklumat ilmu yang ada pada masa sekarang ini.

Kalau kita sudah dapat bukti yang jelas seperti itu, apakah kita nak kata bukti ini tidak boleh diterima kerana ia tidak termasuk dalam cara-cara menghukum yang kita belajar dari al-Quran dan hadis. Di zaman ini, kita terpaksa terima. Kalau tidak, kalau ketidakadilan akan berlaku. Apabila ketidakadilan berlaku, bermaknalah kita tidak patuh kepada ajaran islam yang berkata, bahawa bila kamu hukum, hukumlah dengan adil, sebab itu kita perlu guna secara teknologi, guna teknologi semasa yang akan tentukan bahawa segala yang dilakukan oleh kita adalah tepat dengan ajaran agama.

Kalau pun kita tak dapat empat orang saksi, yang terdiri dari orang yang bebas daripada dosa besar, tetapi kita dapat bukti lain yang menunjukkan bahawa, apa nama mereka, perkara jenayah itu memang berlaku, kita mesti tentukan keadilan akan berlaku kerana dalam islam yang diutamakan adalah keadilan. Kita tak berasa kita salah apabila kita menolak hukum hudud Pas.

Hukum hudud Pas antara Kelantan dan Terengganu pun tak sama, macam mana cerita, lepas itu Terengganu buat pindaan, berapa kali nak buat pindaan. Jadi bagi Pas apabila dia buat pindaan tak apa, kalau kita nak pinda sikit tafsiran berkenaan agama Islam, oh! itu salah, kita mesti terima semua tafsiran.

Tafsiran adalah pendapat manusia biasa, al-Quran tidak boleh diubah, tetapi kita tahu ramai yang buat tafsiran yang berbeza-beza di kalangan orang Islam. Sebab itu Islam yang dibawa oleh nabi hanya satu saja, zaman nabi ada tak sunni dan syiah, ada ulama sini kot, ada tak, syiah ada, tak

ada. Terbahaginya Islam kepada sunni dan syiah adalah kemudian kerana tafsiran yang dibuat oleh orang tertentu yang mempunyai fahaman yang berbeza. Lepas daripada itu kita dapat bermacam-macam tafsiran yang lain.

Sunni saja mempunyai empat orang imam dan ada lagi yang membuat tafsiran yang berbeza-beza. Syiah mempunyai 12 orang imam dan mereka juga mempunyai

macam-macam kumpulan seperti orang Ismaili, umpamanya mereka yang dikehendaki oleh agama Islam kononnya supaya membunuh orang Islam lain, ajaran apa ini.

Ini semua adalah tafsiran oleh manusia biasa dan manusia biasa boleh buat salah, Quran tak salah, nabi tak salah, agama Islam tak salah, tetapi

orang yang tafsir membuat tafsiran ini adalah salah, sebab itu hari ini orang Islam amat lemah sekali kerana banyak yang terdapat dalam Quran yang

menyuruh kita membuat bermacam-macam itu tidak dipedulikan, yang diutamakan hanyalah fardu ain, fardu ain untuk diri kita, nak buat ibadat

supaya kita dapat pahala boleh ke syurga.

Tetapi kita juga diperlukan, diwajibkan fardu kifayah yang boleh menyelamatkan, menjadikan kehidupan masyarakat Islam lebih baik dan dapat

menyelamatkan mereka, itu fardu kifayah, kalau tidak ada usaha untuk menyelamatkan orang Islam, maka kita semua berdosa. Sebab itu Umno berusaha untuk memperkuatkan umat Islam di Malaysia ini untuk melepaskan kita daripada dosa, sembahyanglah macam mana pun tetapi kalau yang ini tak

buat, dosa juga. Kita sudah sampai kepada satu tahap sehingga kita dapat menghantar pasukan tentera kita ke Bosnia untuk menyelamatkan orang Islam di sana.

Apa yang Pas boleh buat, hari itu dia nak pergi ke Iraq nak pergi lawan

dengan Amerika Syarikat, pergilah kita tak larang pi cari mati saja nak buat apa nak lawan dengan orang, ukur dulu. Kalau saya nak lawan dengan Mike Tyson, mana boleh, saya tak lawan dengan dialah, saya cari orang yang

lebih kuat, patahkan cukup-cukup, bukan yang ini (Tan Sri Muhammad Taib) Mike Tyson jadi kita bila nak buat sesuatu kita mesti rancang. Kita mesti

susun strategi dan kita mesti sabar. Kita selama 46 tahun merdeka semakin

lama semakin kuat. Dulu orang tak tahu pun Malaysia, tanya Malaysia di mana dekat negeri China, di Malaya dekat Singapura, mana pula dekat Singapura, Singapura dekat kita sekarang ini pergilah mana-mana di dunia,

kalau pergi Itali, kata Malaysia, hah Sepeng Sepeng (Sepang Sepang) F1 (Formula One). Kalau di negeri lain, Petronas Twin Tower macam-macam lagi

di Malaysia ini yang ada yang menyebabkan mereka sekarang ini mengenali Malaysia di mana-mana juga kita pergi dan kita berani bercakap, berani bercakap, kalau tak kuat kalau dok minta tolong dengan orang minta A tolonglah kita miskin hari ini, minta tolong bagi satu million ringgit

nak

beli apakah, kita tak minta duit daripada orang kita tak minta pinjam pun, melainkan kalau pinjam dia orang nak bagi sangat kerajaan Jepun dia nak bagi duit, pinjam dengan apa nama bunga murah, ok lah pinjam, bodohlah kalau tak pinjam tetapi kita tak bergantung kepada pinjaman atau aid. Bantuan daripada sesiapa, sebab itu apabila berlaku krisis matawang, ramai yang menyuruh Malaysia, hutanglah daripada IMF. kita kata No!, kita hargai kebebasan tetapi kalau kita terlalu miskin, tidak ada kekuatan hendak tak

hendak kita terpaksa bergantung kepada orang. Bila kita bergantung kepada orang, orang akan menguasai kita.

Sebab itu kita tidak bergantung dan mampu tidak bergantung bermakna bahawa usaha kita memperkasakan bangsa sudah maju ke tahap yang kita boleh, kata mat saleh, thumb our nose. Orang marah dalam ucapan saya cakap

banyak berkenaan bangsa Eropah kadang-kadang ramai daripada kita nak kata

bangsa Eropah tetapi tak berani, Tengku Adnan umpamanya kata pihak asing dalam ucapan, dia kata pihak asing maksudnya orang putihlah, Arab pun putih juga, tetapi dia maksud bukan orang putih yang Arab itu, bukan orang

putih yang dari Afghanistan itu, tetapi orang putih dari Eropah, saya bodoh tak tahu nak cari perkataan yang baik jadi saya kata bangsa Eropahlah. kita kata tepat, kalau nak pakai cop kita pakai coplah, tak usahlah panggil dengan nama lain dan kita kata terang-terang dan saya cabar sesiapa yang boleh kata apa yang saya kata dalam ucapan saya berkenaan bangsa Eropah itu tidak benar, tunjuk.

Saya tertarik dengan cadangan daripada Datuk Najib supaya diadakan School of Occidental Studies, mereka kaji kita, kita nak kaji mereka. Saya

sengaja kumpul bahan berkenaan Eropah, susah benar nak dapat bahan tertentu dalam negeri tetapi dalam lawatan saya ke Eropah, mana-mana banyak negeri Eropah, cerita mereka ialah peperangan, bagaimana dia dapat

wilayah ini, bagaimana dia hilang wilayah ini, 2000 tahun tak buat kerja lain, tiap-tiap tahun perang. Ini tabiat mereka dan bila nampak harta orang nak samun saja.

Kita dok ada di sini, di Malaysia ini di zaman dulu orang Arab datang, tak pun tawan kita, orang India datang tak tawan kita, orang Cina datang ramai tinggal di sini, tak tawan kita tetapi Portugis datang 1511 sampai-

sampai saja perang ambil Melaka, habis Iskandar Shah. Tok nenek Ali Rustam

datang saja orang kulit putih, orang putih ini, orang Eropah, dia datang saja itulah pertama perkara pertama dia lakukan menawan negara orang lain

dan memerintah dan kadang-kadang menghalau rakyat dari tempatnya.

Kita lihat Amerika Syarikat, adakah itu asal negara orang Eropah, tidak,

Kanada bukan asal wilayah atau negara orang Eropah mereka pergi ke situ dan halau orang Red Indian dan kadang-kadang pupus sama sekali suku kaum

di situ dan mereka rampas sebuah negara yang begitu kaya untuk diri mereka

tak bayar satu sen pun. Saya diberitahu New York dibeli oleh seorang Amerika dengan membayar 10 botol brandy kepada Red Indian punya chief. Sekarang ini berapa harga botol brandy, sekarang ini, saya ingat kalau kita pecah botol brandy atas New York, habis Bukan saja New York, New York

World Trade Centre, semua New York habis tenggelam, harga New York sekarang ini. Itu yang mereka dapat, Australia mereka dapat, di Tasmania semua Tasmanian Man semuanya dibunuh habis, sejarah mereka tanya kepada mereka, tetapi dia tak cakaplah. Tetapi kalau kita tanya baik-baik, dia kata dulu kalau lintas saja abrogines ini dia tembak mati macam binatang.

Itu sejarah mereka yang saya cerita ini benar-benar bukan untuk benci mereka, tetapi supaya kita tahu sifat-sifat yang ada pada mereka. Bila kita nak runding dengan satu-satu orang, kita kena tahu sifat, personaliti

dia, kalau dia penyangak, kita runding cara penyangak, kalau dia orang baik, kita runding cara baik sebab itu saya kata kita mesti kenal bangsa ini kerana mereka akan memainkan peranan amat besar dalam kehidupan kita dalam masalah negara kita.

Mereka akan terus cuba menakluk kita, sama ada secara fizikal atau secara mental. Mereka akan menakluk kita. Tengok video lucu, dulu ada ke

tak video lucu. Dulu tak ada, sekarang ini bercambah-cambah datang dari mana saya tak tahulah, tapi saya ingat tentu kebanyakan dari Eropah dengan

Amerika kot, tetapi kalau tanya orang sini pun dah belajar kot, cari duit sikit.

Ada orang yang bertanya kepada saya, saya kata macam-macam kepada European ini, nanti kita tak dapat pelaburan tetapi tuan-tuan dan puan-puan saya tahu sifat yang ada pada mereka, kalau ada peluang buat duit, dia mai juga. Sebab itu report dalam Herald Tribune, ditulis sini Mahathir

blast US and Britain they want to control the world in.... Mahathir strong

critic system of the west, tetapi dia tulis dalam itu, dia kata some said

his remarks thursday would likely to have a little real impact on Malaysia

relationship with the foreign business community, dengan orang bisnes dia

tak datang untuk menjajah kita, kita boleh buat baik, dengan orang yang datang bawa senapang, meriam apa semua kita payahlah sikit nak buat baik,

kalau jenis yang ke Iraq mai sini, kita tak bolehlah buat baik, kalau kita

buat baik nanti kita dijajah oleh mereka. Yang nak mempertahankan diri kita bukanlah mudah memang sukar mengambil masa yang panjang mesti bangunkan negara kita, memperkayakan negara kita, melatih orang kita untuk

cara mempertahankan, mengadakan pasukan tentera dan sebagainya. Tetapi dalam perjuangan kehidupan kita satu cara yang akan menentukan kekalahan

kita ialah mencari cara mudah, sebab itu saya selalu tegur kadang-kadang kita selalu orang Melayu cari jalan mudah, jangan cari jalan mudah, cari jalkan yang baik walaupun tak mudah kita bangunkan negara kita mengambil masa memperkayakan negara kita mengambil masa, melatih rakyat kita dalam semua bidang mengambil masa kita terpaksa memerah otak kita untuk menguatkan negara kita tetapi sikit demi sedikit kita sudah sampai ke satu

tahap yang mana mampu untuk tolong umat islam di negara lain kita mampou bercakap dengan berterus terang, mengkritik walaupun mereka adalah lebih berkuasa dari kiita ambil masa, susah tak mudah,

Tetapi kalau kita ambil jalan mudah, percayalah, negara kita akan tergadai kepada orang lain, sejarah kita menunjukkan betapa mudah kita mencari jalan mudah dan hilang kuasa. Di zaman dulu, raja berhak kutip cukai tetapi takkanlah dia kutip sendiri. Tentu kakitangan, pegawainya dan

sebagainya yang kutip cukai bagi nya, tetapi yang dapat kepada raja sikit

sangat kerana sepanjang jalan itu poket banyak, dia masuk poket itu, poket

ini dan apabila sampai kepada raja dia dapat sikit saja. Datang tauke Cina, dia kata kepada Tuanku dia boleh bagi 10 kali ganda wang cukai yang

dikutip kepada raja, dia gerenti boleh bagi banyak 10 kali ganda, lebih daripada itu pun boleh dan raja pun banyak senang, serah kepada cina ini,

dia dapat duit lebih banyak, jadi tax monopoli telah diberi kepada seorang

kapitalis Cina. Di kedah bukan saja tax monopoly, malah opium monopoly diberi kepada Cina dan pegawai Melayu ini, poket kosonglah. Bukan saya nak

marah kepada orang Cina, itu opportunity kepada mereka tetapi lebih dahsyat lagi ialah bagaimana kita membenarkan diri kita dijajah. Datang British dia tak bawa tentera, dia berjumpa dengan raja-raja, dia kata saya

akan bagi

Tuanku tidak perlu kerja lagi kerana akan ada kereta Rolls Royce, payung

kuning dan istana yang besar. Tetapi saya akan memerintah. Senang bukan main, tak buat kerja apa dapat istana, dapat payung kuning, dapat kereta Rolls Royce. Apa lagi hendak? Inilah cara yang baik. Mudah.

Dengan itu kita serah kuasa kita dalam negara kita kepada British kerana

nak dapat payung kuning. Murah! Sebab itulah kita dijajah. Di zaman ini pun kita juga cari cara yang mudah. Kalau kita dapat peluang nak buat apa,

jual peluanglah apa nak buat kerja, duduk, menung. Orang Kedah kata duduk

`Melentang Habau'.

Jangan cari jalan cara yang mudah kerana cara yang mudah ini akan menyebabkan kita hilang kedudukan kita. Cari cara yang baik yang boleh memberi pengetahuan kepada kita, kebolehan kepada kita, insya-Allah kita akan berjaya. Lambat sedikit tidak apa. Tunggulah, sabarlah.

Innallahhamas

sobirin.

Agama kita menyuruh kita sabar. Kalaupun susah tak apalah hari ini kita tak kaya sangat esok kita boleh jadi kaya. Saya lihat ramai daripada anak-anak Melayu yang betul-betul bekerja kuat hari ini sudah sampai kepada tahap kemajuan sehingga mereka disenarai di antara orang yang terkaya di Malaysia. Dulu tak ada. Mustapha Kamal, Syed Mokhtar yang lain yang bilionaire ni pun bertambah lagi yang buat kerja betul, yang tak buat kerja betul pun ada jugalah.

La ni banyak yang boleh buat macam-macam. Saya tengok usaha yang dibuat wanita dipamerkan dalam pameran di bangunan ini. Siapa boleh percaya wanita boleh mengeluarkan macam-macam benda pelik yang dibuat daripada besi. Boleh buat!.

Kita boleh kalau kita nak buat tapi kena sabar sikit. Sebab itu kalau kita nak bagi pinjam kita bagi pinjam kepada wanita dia tidak payah cagaran, tak apa. Ada yang kata bank-bank susah sangatlah nak bagi pinjam. Susah benar nak dapat pinjam duit dengan bank. Ya lah bank ini cukup jahat. Macam-macam dah kita buat kat dia. Suruh bagi mudah pinjam. Tapi saya nak tanya kalau kita nak bagi pinjam duit kepada orang, sanggupkah kita bagi pinjam kepada orang yang tak pernah bayar hutang. Nama Melayu tercemar kerana beberapa kerat orang Melayu, bila hutang tak bayar. Bayarlah. Hutang Mara pun bayarlah.

Sesetengah kata ini duit kerajaan bayar buat apa? Kalau kita tak bayar bukan kita untung, kita rugi. Bangsa kita rugi orang tak percaya kepada kita nak pinjam pun susah. Tapi kalau kita susah payah macam mana pun kita bayar hutang esok kita pergi ke ceti pun dia bagi pinjam.

Kita kadang-kadang bukan apa, malas pinjam. Ingat nak bayar tapi dok ingat nak bayar saja, tak bayarlah juga. Ada satu budak dia kena hukum oleh hakim. Dia kata dia bukan buat, dia nak buat. Hakim kata nak buat dengan buat sama. Itu salah. Hukumlah dia kena denda. Selepas itu dua minggu sebulan dua bulan dia tak bayar denda. Hakim panggil dia tanya pasal apa dia tak bayar denda. Katanya nak bayar dengan bayar, sama.

Alhamdulillah. Segala puji bagi Allah. Kita dapati parti kita semakin besar jumlah ahli kita sudah lebih daripada 3 juta. Tetapi ingat jumlah orang Melayu ialah 11.7 juta. Bermakna bagi setiap empat orang Melayu cuma seorang ahli Umno. Bukanlah saya nak suruh panggil semua orang jadi ahli Umno pasal kita cukup kuat. Pemuda, Wanita, Puteri, kerja cukup kuat untuk menarik ahli Umno. Tapi walau bagaimana kita tarik orang untuk menyertai Umno pun tak mungkin dia jadi realiti melainkan di Johor saja yang mana majoriti orang Melayu menjadi ahli Umno. Tahniah kepada negeri Johor.

Tetapi kita harus ingat lebih ramai yang tak jadi ahli, sebab itu kita tak boleh fikir semata-mata untuk ahli. Kita kena fikir untuk orang yang bukan ahli. Kadang-kadang kita percaya orang Umno perlu dapat layanan yang istimewa. Kalau ada kontrak nak bagi, bagilah pada orang Umno saja jangan bagi pada orang lain. Tapi kalau masa pilihan raya kita cari orang lain

lah. Nak undi dia. Kalau tak dapat undi dia tak boleh menang. Kerana ahli Umno saja tak cukup. Jadi dalam perkara ini kita mesti bertimbang rasa kepada orang yang bukan ahli. Kepada ahli yang bukan pemimpin yang menjadi wakil dalam dewan ini.

Jadi kita kena ambil kira orang lain sama. Sekarang ini persaingan untuk mendapat kontrak bukan lagi antara orang Melayu dengan orang Cina atau orang India. Sekarang ini kita saing adalah antara orang Melayu dengan orang Melayu. Jadi kita nak pilih satu orang saja untuk bagi semua kepada dia tak boleh lah kena ada persaingan. Sekurang-kurangnya untuk sama orang Melayu. Janganlah fikir yang kenal dengan si polan si polan saja yang boleh dapat. Lebih-lebih lagi kalau kenal Perdana Menteri boleh lah dapat. Kita kenal Perdana Menteri kita lah kena dapat. Orang yang lain tak kenal saya juga boleh juga. Bagi lah chances kepada diaorang juga kita bersaing dengan dia. Sesama orang Melayu.

Saya amat bersyukur kerana jelas sekali daripada ucapan-ucapan yang dibuat bukan saja oleh jurucakap tapi juga naib presiden, timbalan presiden dan lain-lain nampaknya tidak lah akan berlaku rebutan jawatan dalam parti.

Saya khuatir benar kalau ada rebutan kerana kita belum faham etika demokrasi. Sepatutnya kalau kita bertanding tak mengapa bila kalah kita akur pada yang menang tapi kadang-kadang kita kecewa hingga buat angkara dalam parti. Tapi kalau tak ada pertandingan parti itu akan patuh pada keputusan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri apabila dia jadi Perdana Menteri maka parti kita akan selamat.

Seperti saya katakan tadi sementara tiada pertandingan untuk jawatan tertentu apabila kita namakan calon ketika pilihan raya saya cadangkan kalau satu saja calon dan semua sokong maka dia perlu di beri pertimbangan sewajarnya oleh presiden parti. Tapi kalau ada lebih satu maka semua pihak perlu beri pengakuan siapa saja dipilih mereka akan beri sokongan pada orang itu.

Tak payahlah hantar rombongan tak payah ada telefon, tak payah tulis surat rayu bila dinamakan orang itu sebagai calon kita anggap dia sebagai calon parti bukan si polan-polan kerana dia adalah calon parti. Dan kita akan berkerja kuat untuk beri kemenangan kepadanya kerana kita harus ingat kemenangannya adalah kemenangan parti dan kemenangan parti adalah untuk nama perjuangan Umno untuk bangsa, agama dan tanah air.

Saya juga ucapkan terima kasih kepada semua yang menyatakan sokongan dan memberi kata-kata perangsang kepada saya dan saya yakin kalau semangat ini dapat dikekalkan hingga sampai pilihan raya kita akan sapu bersih.

Ini adalah kali terakhir yang saya membuat ucapan penggulungan. Tahun depan saya tak buat ucapan ini tapi Insya Allah saya akan hadir juga nak rasa duduk di bawah. Dia punya view lain. Semasa saya di sini ini pun ada

kalanya saya duduk di belakang sekali untuk nak lihat apa gambaran di sini. Selepas perhimpunan ini saya ada peluang lebih banyak lagi.

Saya diajar oleh emak saya iaitu bila makan tengah sedap masa itu kena berhenti. Susah bila tengah sedap makan nak kena berhenti. Saya tengah sedap jadi pemimpin, jadi Perdana Menteri, jadi presiden tapi mengingati nasihat ibu saya, saya buat keputusan untuk berhenti. Jangan berhenti apabila dihalau keluar. Jangan berhenti di waktu kita tak popular.

Jangan

berhenti setelah kita rosakkan parti. Sebab itu saya bersyukur kerana jelas sekali Umno telah dipilih dengan baiknya.

Saya berdoa bahawa semangat yang ditunjuk pada hari ini dapat dikekalkan. Saya ucap berbanyak terima kasih kepada semua pihak kepada ahli Majlis Tertinggi, kepada perwakilan, kepada pemerhati, kepada Puteri, Wanita, Pemuda dan juga orang dewasa. Kepada pekerja-pekerja Umno dan pihak security yang menjaga keselamatan kita semasa kita bersidang empat hari di sini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada Timbalan Pengerusi dan tidak lupa saya kepada pengerusi tetap kita yang uzur yang tak dapat bersama kita hari ini.

Alhamdulillah kita telah bersidang dengan baik. Kita telah dengar macam-macam ucapan dan saya nak ikut tradisi jurucakap kita dan juga nak pantun sebelum tamat. Panjang juga pantunnya tetapi harap sabar. Pantunnya begini (lihat muka satu).

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum.